

Doktor asing mungkin dibenar masuk

Bayaran klinik

swasta tinggi: PM

8 JUN 1991

Oleh MANJA ISMAIL

SUBANG, Jumaat — Doktor asing mungkin dibenarkan menyertai perkhidmatan perubatan swasta di negara ini bagi menyekat penghijrahan doktor kerajaan ke sektor swasta dan mengurangkan kadar bayaran di klinik persendirian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, jika doktor asing dibenar mengadakan perkhidmatan di sini, ia akan mengimbangi jumlah doktor di hospital kerajaan dan swasta dan ini mengelakkan tarikan untuk mendapatkan ganjaran yang lebih baik.

Sehubungan itu, katanya, dasar yang tidak membenarkan doktor asing mengadakan perkhidmatan persendirian di sini perlu dikaji semula kerana bayaran tinggi klinik swasta sekarang menyebabkan ramai pesakit tidak mampu menampungnya.

"Bagaimanapun, kerajaan akan menetapkan syarat tertentu apabila cadangan itu dilaksanakan supaya ia bukan saja melindungi doktor tempatan, malah pesakit di negara ini," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Kongres Obstetrik dan Ginekologi Kedua di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, berikutan hospital kerajaan kekurangan doktor, klinik swasta mendapat ramai pelanggan. Bagaimanapun, kerana bilangan klinik swasta juga tidak mencukupi, kadang-kadang bayaran yang dikenakan agak tinggi.

"Kerana bayaran itu tinggi, ramai pesakit pergi ke hospital kerajaan. Sebaliknya, hospital kerajaan sering kehilangan doktor yang berhenti untuk bekerja di sektor swasta kerana ganjaran yang baik.

"Sekarang doktor asing tidak dibenar mengada

LIHAT MUKA 2

Kenaikan
gaji
8 JUN 1991
timbulkan
masalah

DARI MUKA 1

kan perkhidmatan persendirian di Malaysia...mereka cuma boleh berkhidmat dengan kerajaan. Jika kita boleh menambah doktor, termasuk di sektor swasta, bilangan yang mencukupi itu mungkin mengurangkan tarikan doktor untuk meninggalkan perkhidmatan kerajaan.

"Inilah sebabnya kita bercajag supaya dibenarkan doktor asing mengadakan perkhidmatan persendirian di sini," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan berusaha mengatasi masalah itu, termasuk menambah pekerja bagi membantu doktor di hospital kerajaan dan menaikkan gaji.

"Tetapi kenaikan gaji boleh menimbulkan banyak masalah. Kalau kita naikkan gaji doktor saja, tetapi tidak naikkan gaji orang lain, akan timbul masalah. Jadi kita tidak dapat bersaing dengan pendapatan doktor di klinik swasta," katanya.

Ditanya sama ada doktor asing boleh membuka klinik sendiri atau cuma bekerja dengan klinik swasta tempatan, Perdana Menteri berkata, soal itu akan dikaji kerana "kita belum buat kajian mendalam...saya cuma membayangkan saja."

"Tetapi pada dasarnya kita memikir kalau mahu meningkatkan bilangan doktor, eloklah kita membenarkan doktor asing mengadakan perkhidmatan persendirian di sini," katanya.